

Dr Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Saluran komunikasi kerjaya

(Bahagian 2)

Pada keluaran lalu, saya telah membincangkan tiga saluran untuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) memperoleh maklumat mengenai pekerjaan di pasaran iaitu melalui Internet, media massa dan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Dalam ruangan ini saya membincangkan tiga saluran komunikasi maklumat iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA), program latihan amali/latihan industri dan temu duga terbuka.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

SPA sangat popular dalam kalangan lulusan universiti yang berminat menyertai perkhidmatan awam di negara ini. Oleh itu, jika berminat pelajar boleh mendaftar terus ke suruhanjaya itu melalui laman webnya iaitu www.spa.gov.my.

Pelajar boleh melihat senarai jawatan yang ditawarkan dan mengisi borang permohonan. Langkah itu bertujuan memberi kemudahan kepada pencari kerja khususnya pelajar universiti serta menyegerakan proses permohonan jawatan yang dikendalikan oleh SPA yang jumlahnya begitu banyak

meliputi pelbagai peringkat jawatan.

Maklumat diri yang dihantar oleh pemohon akan direkodkan di dalam bank data. Melalui laman web itu pemohon boleh mengemukakan permohonan pada bila-bila masa. SPA juga memperkenalkan borang pendaftaran permohonan pekerjaan dalam perkhidmatan awam SPA8i untuk diisi oleh pemohon.

Dalam setiap borang permohonan boleh mengisi sejumlah lima jenis pekerjaan yang bersesuaian dan

permohonan itu sah digunakan dalam tempoh setahun. Ini bermakna pencari kerja boleh memohon pada bila-bila masa dan tidak perlu menunggu iklan-iklan jawatan kosong dalam khabar harian. Borang itu juga boleh didapati di pejabat SPA, Putrajaya dan negeri-negeri atau Jabatan Tenaga Kerja negeri dan daerah.

Bagaimanapun, pihak SPA dari semasa ke semasa masih mengiklankan di akhbar harian semua jawatan kosong dalam perkhidmatan awam di pelbagai Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Setiausaha

Kerajaan Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Perlis.

Calon yang memenuhi syarat kelayakan dan tapanan yang ditetapkan akan dipanggil untuk ditemu duga apabila ada kekosongan bagi jawatan yang dipohon.

Program latihan amali/latihan industri

IPT awam dan swasta kini mewajibkan pelajar mereka menjalani latihan amali atau latihan industri di organisasi dan industri berkaitan untuk satu tempoh tertentu. Sebagai contoh, pada semester ini, ramai pelajar universiti

termasuk pelajar saya sedang menjalani latihan amali/industri di organisasi pilihan mereka.

Lazimnya, tempoh latihan antara tiga hingga enam bulan. Ketika tempoh itu, pelajar berpeluang mempelajari dan menimba ilmu serta pengalaman berkaitan bidang tugas organisasi itu. Pentingnya program itu, Kementerian Pengajian Tinggi menggesa syarikat swasta memberi sokongan kepada Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi yang dilihat mampu membantu pembentukan bakat kerja sekali gus memperkasakan modal insan di negara ini.

Inilah masanya pelajar perlu menghidu peluang kerjaya di organisasi itu. Pelajar boleh memikirkan sama ada berminat atau sebaliknya untuk bekerja di situ selepas tamat pengajian kelak. Jika berminat, cuba merisik peluang yang ada dengan penyelia pelajar di situ, namun begitu pelajar harus terlebih dahulu menunjukkan sikap positif terhadap kerja yang dilakukan ketika latihan amali/industri itu.

Sekiranya mampu meyakinkan penyelia industri, kemungkinan peluang pelajar diterima bekerja kelak di organisasi itu sangat cerah. Ini kerana program latihan

amali/industri akan menjadi kayu pengukur kepada pihak organisasi sama ada pelatih itu sesuai atau tidak untuk diambil bekerja setelah mereka menamatkan pengajian.

Temu duga terbuka

Temu duga secara terbuka (walk-in) ialah satu daripada cara untuk mendapatkan pekerjaan. Cara itu memerlukan usaha yang lebih apabila pelajar terpaksa pergi dari satu syarikat ke satu syarikat bertanyakan kerja yang sesuai. Jika bernasib baik, mungkin syarikat pertama yang pelajar pergi terus menemuduga dan menawarkan pekerjaan kepada anda.

Bagaimanapun, jika gagal sekurang-kurangnya memberi pengalaman kepada pelajar mengenai bagaimana sesi temu duga kerja dijalankan. Menariknya, temu duga terbuka itu bukan sahaja dilakukan oleh syarikat swasta, malah sektor awam juga berbuat demikian.

Contohnya, Kementerian Pelajaran Malaysia pernah mengadakan temu duga terbuka untuk melantik guru dalam mata pelajaran matematik dan sains yang bakal berkhidmat di pedalaman Sabah.

Bersambung.